

UUM ONLINE: Dalam rangka lawatan kerja ke Amerika Syarikat, Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak yang disertai oleh Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Dr Hassan Abu Bakar dan Timbalan Pengarah CIAC, Dr Adam Dean Tyson telah memulakan kunjungan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan University of Alabama, Birmingham (UAB) dan University of Wisconsin, Milwaukee.

Dalam kunjungan pertama ke Birmingham, Alabama pada 31 Mac 2011, Naib Canselor telah disambut oleh Prof Jim McCorskey, Prof. Mark Hickson dan Mr. Josh Carter dari International Office, UAB. Turut hadir ialah beberapa orang Profesor dan tenaga akademik kanan UAB. Selain membincangkan berhubung kerjasama akademik sedia ada di antara UUM dan UAB iaitu penghantaran staf UUM untuk mengikuti pengajian pra PhD selama satu tahun bertaraf Sarjana, perbincangan juga menjurus kepada beberapa perkara yang lebih luas seperti pelaksanaan program berkembar, pertukaran staf, mobiliti pelajar dan juga latihan praktikum. Pada masa yang sama model pengajian master pra PhD akan dikembangkan kepada bidang pentadbiran awam dan juga perniagaan bagi membolehkan lebih ramai staf dan dan pelajar UUM mendapat faedah daripada kerjasama dengan UAB.

Delegasi UUM juga turut mengadakan perbincangan dengan pihak School of Business yang telah mempunyai akreditasi AACSB sejak sekian lama bagi membincangkan kerjasama di peringkat MBA secara berkembar dengan Othman Yeop Abdullah-Graduate School of Business, UUM. Pihak School of Business UAB melihat UUM sebagai rakan strategik yang penting di Asia yang dapat memajukan lagi kerjasama pendidikan tinggi Malaysia-Amerika Syarikat.

Sementara itu dalam lawatan ke University of Wisconsin, Milwaukee (UWM) pada 1 April 2011, delegasi UUM telah disambut mesra oleh Vice Chancellor UWM, Prof. Johannes Britz dan beberapa orang Dekan Fakulti. Lawatan ke UWM turut disertai oleh Pengarah Education Malaysia di Chicago, Dr. Roslan Jamaludin yang merupakan staf UUM. Dalam lawatan tersebut, Naib Canselor telah menandatangani Memorandum of Intent (Mol) dengan universiti berkenaan untuk kerjasama akademik dalam beberapa lagi bidang pengurusan yang menjadi tumpuan utama UWM.

Delegasi UUM turut dibawa melawat ke Sheldon B. Lubar School of Business yang mana Naib Canselor telah disambut oleh Dekan Sekolah Perniagaan berkenaan Prof. Timothy L. Smunt dan Profesor Jannice S. Miller yang merupakan Board of Director Academy of Management. Perbincangan serta lawatan ke Sekolah Perniagaan berkenaan diakhiri dengan jamuan Hi-Tea tradisi universiti berkenaan yang dikenali sebagai First Friday Event di mana sebahagian besar ahli-ahli akademik universiti berkenaan berkumpul sebulan sekali bagi majlis interaksi sosial bagi mengeratkan hubungan di kalangan ahli-ahli akademik UWM.

Delegasi UUM kemudiannya meneruskan lawatan ke Chicago bagi menemuduga calon-calon pensyarah pelawat dan guru bahasa Inggeris ke UUM dari seluruh Amerika Syarikat. Di Chicago juga Naib Canselor dan anggota delegasi akan melawat Kellogg School of Management, salah sebuah Sekolah Perniagaan tersohor Amerika Syarikat bagi meninjau potensi kerjasama UUM dengan Kellogg School of Management.

Habis.